



UCAPAN WAKIL PEGAWAI NAIK PANGKAT  
**'MAJLIS JASAMU DIKENANG'**

OLEH  
**YANG BERBAHAGIA DATO' Hj. WAN MOHAMAD ZUKI BIN MOHAMAD,**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN DAN KORPORAT) RISDA

TEMPAT: HOTEL DE' PALMA, AMPANG  
TARIKH : 27 MAC 2009 (JUMAAT)  
MASA : 8.00 MALAM

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis.

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan,  
Ketua Pengarah RISDA serta Yang Berbahagia Datin Zaimah bt.  
Zakaria

Yang Berbahagia Dato' Haji Ali Nordin bin Wahiduddin,  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA serta Yang  
Berbahagia Datin Leeza bt Laili

Tn. Hj. Kamaruddin bin Mohamed Shah, Pengurus Besar ESPEK

Yang Berbahagia Dato' Ramli bin Mohd. Kassim, Mantan  
Timbalan Ketua Pengarah merangkap wakil pesara ,

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri,

Pengurus-pengurus Besar Anak Syarikat,

Yang diraikan Pesara-pesara RISDA dan Penerima-penerima

Watikah kenaikan pangkat

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

3

### **Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., kerana dilimpahkan-Nya izin dan kurnia untuk kita bersama-sama berkumpul di sini bagi menjayakan 'Majlis Jasamu Dikenang'. Bagi pihak seluruh Ahli Jawatankuasa Majlis dan juga bagi pihak pegawai-pegawai yang telah naik pangkat, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah yang sudi hadir, biarpun kita tahu beliau terlalu sibuk serta berhadapan dengan keadaan kesihatan yang agak kurang menyenangkan

4

beberapa hari ini. Namun berkat dari doa oleh kita semua, Ketua Pengarah masih mampu hadir, semata-mata untuk bersama dengan kita pada majlis di dewan yang serba indah ini. Untuk itu, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah.

Sebagai wakil 94 orang rakan-rakan penerima kenaikan pangkat, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurusan RISDA khususnya Dato' Ketua Pengarah yang telah sudi mengadakan Majlis ini khusus untuk kami yang telah dinaikkan pangkat. Dan pastilah kenaikan 'Gred Jusa A' yang diterima oleh

bos kita menjadi suatu yang cukup bernilai pada malam ini. Ianya mampu menyemarakkan lagi komitmen kita untuk membantu Ketua Pengarah dalam misi kecemerlangan yang digalas bersama. Insya-Allah Dato', kami seluruh warga kerja akan terus berusaha gigih dalam membantu menaikkan lagi nama dan prestasi RISDA di mata umum. Bertepatan dengan majlis yang bahagia ini, kami berjanji untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan menjadi warga kerja yang tidak jemu-jemu mencurahkan bakti dan mengharumkan nama RISDA.

Kepada rakan pesara, sesungguhnya, pertemuan ini adalah seumpama pertemuan dengan rakan-rakan alumni ketika di sekolah dulu. Tentulah situasi ini telah menyegarkan kembali nostalgia indah sewaktu anda semua masih bertugas bersama kami suatu ketika dulu. Tahun dan bulan berganti, namun hati tetap tuntas mengingati anda sahabat-sahabat kami.

Kami merasa kehilangan anda. Dan, bagi kami di sini, anda masih yang terbaik dengan segala macam pengalaman yang diperolehi di sini. Justeru, kami berharap agar anda sudi dan bersedia untuk memberikan buah fikiran ke arah membantu kami

7

di mana yang perlu. Saya fikir, Y. Bhg. Dato' Ketua Pengarah juga bersetuju dan memiliki hasrat yang sama.

**Kata pantun :**

**Kalau rotan di panjat benalu**

**Sekerat di simpan dalam bakul**

**Kalau beban sudah ke bahu**

**Berat ringan wajib di pikul**

8

**Kepada Pesara:  
Buah pauh buah rumnia  
Dicampur pula sibuah berangan  
Sungguhpun jauh di hujung dunia  
Hilang di mata di hati jangan**

Saya tidak berniat untuk bercakap panjang lebar, kerana saya tahu kita semua sedang menanti-nantikan, apakah inti amanat yang akan disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah kita pada kali ini.

9

Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah serta rakan-rakan sekalian yang telah sudi menjayakan majlis kita pada malam ini.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**